

Penduduk rayu baiki penghadang jambatan

Oleh MAHFUZ MOHAMAD

mahfuz.mohamad@kosmo.com.my

AMPANG – Penduduk Taman Kosas di sini menyuarakan kebimbangan terhadap kerosakan penghadang sebuah jambatan besi kerana dikhuatiri boleh menyebabkan mereka yang menggunakannya terjatuh ke dalam sungai.

Seorang penduduk, Yusof Awang, 67, berkata, masalah tersebut telah berlarutan selama dua tahun, namun sehingga ke hari ini tiada apa-apa tindakan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab.

“Kami telah mengajukan masalah ini kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tetapi diberitahu bahawa jambatan ini bukan di bawah seliaan MPAJ tetapi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor.

“Saya bimbang dengan keadaan penghadang jambatan itu yang patah akan menyebabkan penduduk dan orang awam yang lalu-lalang di sini terutama pelajar sekolah terjatuh ke dalam sungai,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambah Yusof, selain besi penghadang, keadaan anak tangga yang terdapat di hujung jambatan tersebut turut patah dan menyukarkan penduduk terutama warga emas menggunakan jambatan itu.



YUSOF (kiri) menunjukkan keadaan besi penghadang jambatan yang rosak dan boleh membahayakan orang ramai di Taman Kosas, Ampang semalam.

Seorang lagi penduduk, Shafie Ahmad, 60, berkata, penduduk mendesak MPAJ dan JPS bekerjasama untuk mengatasi masalah itu bagi mengelak kejadian yang tidak diinginkan.

“Setiap hari ramai pelajar sekolah yang menggunakan jambatan ini dan saya bim-

bangkan keselamatan mereka,” katanya.

Sehubungan itu, dia meminta pihak terbabit supaya prihatin dengan rungutan penduduk dan membaiki segera jambatan tersebut yang menghubungkan kawasan perumahan dengan deretan kedai di Ampang Waterfront.